

## **Raja Permaisuri Agong rai 300 Anak Yatim di Istana Negara**

**Bernamea**

**Jun 10, 2014**

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Selasa berkenan berangkat ke majlis santapan mesra bersama 300 anak yatim bersempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, di sini.

Turut berangkat ke majlis itu Kerabat Diraja Kedah termasuk anakanda Datuk Seri Tunku Soraya Tuanku Abdul Halim, Toh Puan Temenggong Kedah Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff dan Toh Puan Laksamana Kedah Puan Sri Nora Abdullah.

Antara tetamu kenamaan yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Anak-anak yatim daripada Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat itu diraikan dalam jamuan mesra yang diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian.

Pada majlis itu, Tuanku Hajah Haminah berkenan menyampaikan sumbangan berupa baucar buku dan baucar baju raya serta cenderahati seutas jam tangan kepada semua anak yatim yang diraikan itu.

Selain itu, Raja Permaisuri Agong turut berkenan meraikan 10 anak yatim yang cemerlang dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia tahun lepas dengan pemberian sumbangan wang tunai masing-masing RM1,000.

Tuanku Hajah Haminah kemudian berkenan bersalaman dengan anak-anak yatim serta para hadirin sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Selepas majlis itu, kesemua anak yatim tersebut dibawa melawat sekitar kawasan Istana Negara seperti di Balairong Seri dan Dewan Santapan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044937>